

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERUBAHAN TINGKAH LAKU BANDUAN MUDA DI PENJARA: DARI PERSEPSI PENJAWAT AWAM JUSA C

Factors that influence the change of behavior of Young Prisoners in Prison: From the perception of Civil Servant JUSA C

Azura Abdul Raof, Haslinda Hasan & Azhan Anuar

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM),
06050 Sintok, Malaysia

[1hazurahar76@gmail.com](mailto:hazurahar76@gmail.com), [2haslynda@uum.edu.my](mailto:haslynda@uum.edu.my) & [3azhan.anuar@gmail.com](mailto:azhan.anuar@gmail.com)

Published: 26 July 2023

To cite this article (APA): Abdul Raof, A., Hasan, H., & Anuar, A. (2023). Factors that influence the change of behavior of Young Prisoners in Prison: From the perception of Civil Servant Jusa C: Faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan tingkah laku Banduan Muda di Penjara: Dari persepsi Penjawat Awam JUSA C. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 54–62. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp2.5.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp2.5.2023>

ABSTRAK

Setiap remaja yang berada di penjara dikategorikan sebagai banduan muda, reman muda, tahanan muda yang ditempatkan di penjara ataupun juvana yang berada di Sekolah Integriti. Kemasukan mereka ke penjara adalah atas pelbagai kesalahan jenayah bermula daripada kes bunuh, rogol, merompak dan sebagainya tertakluk kepada Kanun Keseksaaan dan Akta Kanak-Kanak. Kajian dijalankan terhadap 50 orang penjawat awam Pegawai-pegawai Jawatan Utama Gred C (JUSA C) yang sedang mengikuti Advanced Leadership and Management Programme (ALMP) yang mengadakan sesi bersama 112 orang banduan muda dan reman muda di Penjara Kajang. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kuantitatif dalam proses pengumpulan data ini bertujuan agar penilaian berterusan para penjawat awam (JUSA C) dapat membuat keputusan penting dalam beberapa bidang mengenai kemajuan dan pelaksanaan program pemulihan seterusnya memudahkan langkah selanjutnya yang perlu oleh Jabatan Penjara Malaysia. Program pemulihan yang dijalankan di penjara telah dilihat oleh responden sebagai membantu mereka menjadi remaja yang lebih positif melalui sistem pemulihan yang efektif, penekanan aspek disiplin, program motivasi yang berkesan, sokongan keluarga semasa mereka dipenjarakan dan pendekatan keagamaan telah membantu kepada pemulihan mereka sebelum dibebaskan. Hasil kajian mendapati bahawa elemen keagamaan, sokongan keluarga dan program motivasi adalah tiga faktor utama yang dilaksanakan oleh jabatan penjara dapat membantu mengubah tingkah laku banduan semasa menjalani pemulihan.

Kata kunci: Positive youth development, residivis, Kanun Keseksaaan, Akta Kanak-Kanak

ABSTRACT

Every adolescent categorized as a young offender, young person on remand, young prisoner or juvenile offender is placed at Integrity School. They were found guilty of various criminal cases, from murder, rape, robbery, and others, subject to the Penal Code and the Children's Act. The study of 50 civil servants consisted of Grade C Principal Officers (JUSA C) following the Advanced Leadership and Management Program (ALMP). They held sessions with 112 young prisoners and young remand in Kajang Prison. This study applies quantitative approach in the process of data collection and data analysis. This study aims for the continuous evaluation of (JUSA C) civil servants to be able to make important decisions in several areas regarding the progress and implementation of the rehabilitation program and then facilitate the next steps necessary by the Malaysian Prisons Department. Rehabilitation programs conducted in prisons successfully produce positive-minded juveniles through an adequate rehabilitation system, emphasis on disciplinary aspects, effective motivational programs, family support, and

religious approaches to assist in rehabilitation before release. The study found that religious elements, family support and motivational programs are the main factors that successfully

Keywords: *Positive youth development, recidivist, Penal Code, Children's Act*

PENGENALAN

Malaysia akan bergerak ke arah menjadi negara maju yang berlandaskan kepada Malaysia Madani yang menjadi teras kepada pembinaan negara. Dalam kata lain, enam teras yang menjadi rukun MADANI iaitu kemampunan, kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan seharusnya dihayati dan dibudayakan oleh semua rakyat negara ini. Banduan muda di penjara juga adalah merupakan sebahagian daripada warga negara yang perlu dibimbing untuk turut sama mendapat impak yang baik. Sebelum mereka dibebaskan, keperluan untuk memberikan kesedaran kepada mereka hendaklah diusahakan. Oleh itu, segala proses pemulihan yang dijalankan hendaklah dikenal pasti supaya proses pemulihan yang dijalankan adalah bertepatan.

Dalam kekejatan untuk menggerakkan para remaja dan belia untuk berfikir dan bertindak selaras dengan pembangunan negara MADANI, masih terdapat individu yang gagal dalam mengikut arus pembangunan yang dirancang ini. Mereka sepatutnya berada di zon sekolah dan pusat pengajian lanjutan untuk mendapatkan sijil serta kemahiran yang akan menjamin kepada kehidupan yang lebih baik. Hakikatnya adalah mereka sedang menjalani hukuman dan ditahan di institusi penjara atas pelbagai kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Kanak-Kanak.

Pada era globalisasi ini, penglibatan golongan muda dalam jenayah dilihat sebagai masalah sosial yang amat membimbangkan. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019 pada tahun 2017 dan 2018, Malaysia melaporkan lebih daripada 5200 kes jenayah melibatkan pesalah muda, kira-kira 13 peratus daripada kes itu adalah kes berulang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Kebanyakan kesalahan yang berkaitan dengan harta adalah berleluasa terutamanya kepada pesalah muda lelaki, termasuk kecurian, pecah rumah, curi kenderaan, rompakan, dan berurusan dalam harta curi.

Data banduan muda di Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan bahawa terdapat seramai 2,550 orang remaja berumur 14 – 21 tahun yang ditempatkan di penjara di seluruh negara. Perlakuan jenayah yang mereka lakukan menunjukkan bahawa ada sesuatu yang mendorong kepada tindakan yang dilakukan. Zainuddin & Norazmah (2011), menyatakan bahawa perbuatan ini bermula daripada fenomena modenisasi dan kejutan budaya yang melanda golongan remaja dan belia. Ia adalah merupakan satu cabaran dan boleh mengancam kepada sumber tenaga manusia pada masa yang akan datang.

PERNYATAAN MASALAH

Banduan dan pesalah sering dilabel sebagai seorang yang kuat menentang, mempunyai sikap bermasalah dan sering bersifat permusuhan (De Jong & Berg, 2001). Terdapat beberapa kajian yang melihat bahawa kebanyakan banduan penjara terutamanya yang terlibat dengan jenayah didapati mempunyai emosi yang tidak seimbang (Chan, 2009; Akbari, Abolghasemi, Taghizadeh, & Dastaran, 2012). Ketidakseimbangan emosi ini memberikan kesan dari segi tindakan dan perlakuan mereka yang mana akhirnya mereka terlibat dengan kegiatan jenayah ganas (Udrow, 2008; Akbari et al., 2012). Menurut Deffenbacher (1992), emosi marah boleh mendatangkan masalah apabila kemarahan itu diluahkan dengan penuh agresif, ganas dan kebencian. Mohammad Rahim, Nadiyah Syariani, Azizah, Khaidzir & Geshina Ayu (2014), yang membuat kajian mengenai tret dan jenis-jenis pelaksanaan pembunuhan di Malaysia turut mengesahkan bahawa kemarahan adalah punca utama kepada kes pembunuhan yang berlaku di Malaysia. Daripada tinjauan literatur ini dapat dinyatakan bahawa

banduan yang terlibat dengan kegiatan jenayah mempunyai masalah tingkah laku yang di luar kawalan sehingga mendorong mereka melakukan kesalahan jenayah.

Penjara bukan sahaja sebagai tempat menjalani hukuman, malah merupakan satu tempat pemulihan kepada banduannya (banduan). Pelbagai pendekatan telah dilakukan oleh Jabatan Penjara Malaysia (JPM) sebagai institusi bertanggungjawab secara khusus dalam pemulihan banduan untuk membantu banduan mengubah tingkah laku mereka menjadi lebih baik agar dapat membina kembali diri mereka dan berperanan semula di dalam masyarakat. Namun begitu, terdapat persoalan yang timbul mengenai apakah faktor yang sebenarnya paling mempengaruhi perubahan tingkah laku banduan muda di penjara untuk berubah menjadi insan yang lebih baik? Justeru itu kajian ini dijalankan untuk meninjau faktor-faktor yang paling mempengaruhi perubahan tingkah laku dalam kalangan banduan muda di penjara.

SOROTAN LITERATUR

Achenbach dan Edelbrock (1987), menyatakan bahawa kebanyakan ahli psikologi klinikal dan juga ahli-ahli psikologi yang lain membahagikan dua jenis masalah yang dialami oleh remaja iaitu kecelaruan dalaman dan kecelaruan luaran. Kecelaruan dalaman ialah masalah-masalah remaja yang bersifat dalaman dan dimanifestasikan dalam bentuk gejala emosi dan kognitif seperti kemurungan atau dalam bentuk gangguan-gangguan psikosomatik. Kecelaruan luaran pula ialah masalah-masalah remaja yang bersifat luaran dan dimanifestasikan dalam bentuk masalah-masalah tingkah laku.

Pandangan pendokong teori tingkah laku percaya semua manusia dilahirkan bersih, suci dalam keadaan kosong. Apa yang terjadi kepada manusia adalah hasil pembentukan tingkah laku yang telah dibentuk oleh asakan persekitaran (Khalim Zainal, 2008). Kita dianggap sebagai makhluk yang pasif dan menerima apa sahaja yang membentuk kita berdasarkan pengaruh persekitaran. Pembentukan personaliti individu adalah kesan daripada pembelajaran melalui pelbagai pengalaman yang dilalui.

Mengikut teori sosial-kognitif, Bandura (1977), seseorang yang memiliki efikasi sendiri yang tinggi dan kepintaran kognitif adalah fleksibel dalam mengatur strategi serta pandai menyesuaikan diri dengan persekitaran. Sebagai contoh individu yang memiliki kawalan dalaman diri yang sangat tinggi sama ada sesuatu perkara itu disokong atau sebaliknya, mereka juga dapat menguruskan persekitaran mereka dengan baik sekiranya berlaku perubahan malahan dapat menyesuaikan diri. Berdasarkan teori ini banduan muda perlu mempunyai kawalan dalaman diri yang kuat serta mampu berdepan dengan pelbagai kemungkinan apabila dibebaskan kelak.

Bentuk pemulihan ialah satu program yang membentuk kelakuan seorang pelaku daripada melakukan kesalahan berulang. Secara logiknya, jika pelaku boleh belajar untuk menjadi seorang devian, dia juga boleh belajar untuk mematuhi peraturan dan kunci utamanya adalah dengan mengawal persekitaran. Dalam bentuk ini, pesalah disosialisasikan semula supaya diterima oleh masyarakat. Contohnya modifikasi kelakuan untuk golongan pesalah juvana (Siegal, 2002). Jenayah dilihat sebagai masalah sosial atau masalah peribadi pelaku. Oleh itu, keadaan sosial diperbaiki dan rawatan diberikan kepada pelaku.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan Kajian secara umumnya agar penilaian berterusan para penjawat awam (JUSA C) dapat membuat keputusan penting dalam beberapa bidang mengenai kemajuan dan pelaksanaan program pemulihan seterusnya memudahkan langkah selanjutnya yang perlu oleh Jabatan Penjara Malaysia. Penilaian berterusan boleh menjadi sangat berguna kerana ia membolehkan para professional membuat keputusan penting dalam beberapa bidang mengenai pelaksanaan program untuk berjaya menentukan dan memudahkan langkah seterusnya yang perlu (Dunsworth & Billings, 2012).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah mengenal pasti persepsi penjawat awam terhadap faktor-faktor yang dijangka boleh mempengaruhi perubahan tingkah laku di kalangan banduan muda di penjara.

METODOLOGI KAJIAN

Konsep kajian telah ditetapkan untuk memberi panduan kepada sesuatu penyelidikan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam proses pengumpulan data untuk mendapatkan maklumat kajian.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian dibuat untuk memastikan beberapa aspek penyelidikan dapat dikawal dengan sempurna dan dijalankan dengan kawalan supaya tiada faktor lain yang mempengaruhi atau mencemari hasil kajian. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik untuk mengumpulkan data mengenai profil penjawat awam serta persepsi mereka terhadap faktor-faktor yang dijangkakan dapat mempengaruhi perubahan tingkah laku banduan muda ke arah yang lebih baik.

Kaedah kajian tinjauan menggunakan soal selidik ini mempunyai beberapa kebaikan dalam menjalankan penyelidikan iaitu menjimatkan masa, pantas, tidak menimbulkan diskriminasi dan kemungkinan besar jawapan yang diberikan oleh responden adalah lebih jujur kerana tiada pengenalan diri yang diperlukan daripada mereka.

Sampel

Sampel kajian adalah 50 orang penjawat awam Pegawai-pegawai Jawatan Utama Gred C yang sedang mengikuti Advanced Leadership and Management Programme (ALMP).

Instrumen Kajian

Data tentang persepsi penjawat awam dikumpulkan menggunakan set instrumen soal selidik. Soal selidik digunakan untuk mengukur persepsi penjawat awam terhadap faktor-faktor yang dijangkakan dapat mempengaruhi perubahan tingkah laku banduan muda kearah yang lebih baik. Soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian iaitu:

Bahagian A meliputi Faktor Demografi Responden (3 item). Bahagian ini mengandungi maklumat mengenai berkaitan latar belakang iaitu tahap pendidikan dan tempoh perkhidmatan dan jantina

Bahagian B pula meliputi item persepsi penjawat awam (5 item). Bahagian ini mengandungi persepsi penjawat awam terhadap faktor-faktor yang dijangkakan dapat mempengaruhi perubahan tingkah laku banduan muda kearah yang lebih baik. Faktor-faktor tersebut ialah faktor sistem pemulihan, faktor persekitaran penjara, faktor motivasi, faktor sokongan keluarga dan faktor pendekatan keagamaan. Item-item diukur dalam bentuk 5 Skala Likert sebagaimana berikut (1) Sangat tidak mempengaruhi, (2) Tidak mempengaruhi (3) Kurang mempengaruhi (4)Mempengaruhi dan (5)Sangat Mempengaruhi.

Kaedah Penganalisan Data

Analisis deskriptif akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Analisis data kajian ini dilakukan dengan menggunakan *Microsoft Excel*. Menurut Chua (2013), data-data skala nominal dan ordinal yang dinyatakan dalam bentuk kategori digunakan dalam analisis ujian bukan-parametrik. Data dianalisis untuk mengenal pasti faktor-faktor yang dijangka boleh mempengaruhi perubahan tingkah laku di kalangan banduan muda. Data kajian yang diperolehi dibincangkan dalam bentuk deskriptif iaitu melihat kekerapan dan peratusan.

DAPATAN

Dapatan ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu dapatan demografi responden dan dapatan mengenai faktor-faktor yang dijangka mempengaruhi perubahan tingkah laku banduan muda di penjara iaitu:

1. Faktor sistem pemulihan
2. Faktor persekitaran penjara
3. Faktor program motivasi
4. Faktor sokongan keluarga
5. Faktor keagamaan

Dapatan Demografi Responden

(a) Tahap pendidikan

Bilangan responden keseluruhan ialah seramai 50 orang yang melibatkan seramai 4 orang (8%) pemegang Ijazah Doktor Falsafah, 26 orang (52%) pemegang Ijazah Sarjana, 14 orang (28%) pemegang Ijazah Sarjana Muda dan 6 orang (12%) tidak mengisi maklumat. Kekejapan tersebut diperlihatkan dalam jadual 1:

Jadual 1 Maklumat responden berdasarkan tahap pendidikan

Tahap Pendidikan	Peratus	Kekejapan
Doktor Falsafah	8	4
Ijazah Sarjana	52	26
Ijazah Sarjana Muda	28	14
Tidak Mengisi Maklumat	12	6
Jumlah	100	50

(b) Tempoh Perkhidmatan

Bilangan responden mengikut tempoh perkhidmatan ialah terdapat 1 orang (2%) telah berkhidmat selama 16-20 tahun. 12 orang (24%) telah berkhidmat dalam tempoh 21-25 tahun. 10 orang (20%) telah berkhidmat antara 26-30 tahun, 22 orang telah berkhidmat melebihi 30 tahun (44%) dan 5 (10%) responden tidak menjawab.

Jadual 2 Maklumat responden berdasarkan Tempoh Perkhidmatan

Tempoh Perkhidmatan	Peratus	Kekerapan
1-15 tahun	0 %	-
16-20 tahun	2 %	1
21-25 tahun	24 %	12
26-30 tahun	20 %	10
Melebihi 30 tahun	44 %	22
Tidak Menjawab	10 %	5
Jumlah	100 %	50

(c) **Jantina**

Bilangan responden mengikut jantina ialah terdapat 40 orang (2%) adalah Pegawai Utama Gred C lelaki dan 6 orang adalah wanita (44%) dan 5 (10%) responden tidak menjawab.

Jadual 3 Maklumat responden berdasarkan Jantina

Jantina	Peratus	Kekerapan
Lelaki	58 %	30
Wanita	33 %	17
Tidak menjawab	9 %	5
Jumlah	100 %	50

Analisis Dapatan Kajian Mengikut Elemen Pemulihan di Jabatan Penjara Malaysia

(d) Analisis skor min, peratus dan kekerapan bagi item elemen pemulihan di penjara

No Item	Item	Kekerapan dan Peratus					
		1	2	3	4	5	Pkt
13	Pendekatan Agama	T	T	3 % (3)	10 % (5)	87 % (45)	1
11	Sokongan Keluarga	T	T	6 % (1)	19 % (10)	75 % (39)	2
12	Program Motivasi	T	T	6 % (1)	19 % (10)	75 % (39)	2
9	Sistem Pemulihan	T	T	12% (2)	28% (14)	70% (36)	4
10	Persekitaran Penjara	T	T	13% (7)	27% (14)	60% (31)	5

Nota: 1(sangat tidak setuju), 2 (Tidak setuju), 3 (Kurang setuju), 4 (Setuju), 5 (Sangat Setuju) & Pkt (pangkatan)
 Angka dalam kurungan ialah kekerapan dan T (Tiada)

PERBINCANGAN

Daripada dapatan kajian, pengkaji akan membincangkan tiga elemen pemulihan yang dijangkakan paling mempengaruhi perubahan tingkah laku banduan muda di penjara. Dapatan kajian menunjukkan responden menjangka faktor pendekatan keagamaan adalah paling mempengaruhi perubahan tingkah laku seseorang. Dapatan ini memberi gambaran bahawa pendidikan agama di penjara perlu dijalankan dengan lebih kerap agar banduan muda dapat melakukan perubahan tingkah laku ke arah yang lebih baik. Menurut H. Jalaludin (2006), orientasi agama mampu membina psikologi manusia dengan baik sama ada dari sudut pemikiran, emosi dan tingkah laku. Ini disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Azizi (2010), di sebuah pusat pemulihan akhlak di Malaysia mendapati sebilangan besar pelatih melakukan kesalahan kerana pendidikan agama yang kurang sempurna. Agama adalah merupakan kawalan sosial yang paling efektif. Salah satu kepentingan agama ialah sebagai santapan rohani. Ketiadaan kekuatan pegangan agama dan akhlak menyebabkan gadis-gadis ini tidak teragak-agak untuk

menceburi diri dalam kegiatan negatif termasuk pelacuran. Konsep seperti mentarbiyah pelajar, program padat usrah, qiamullail dan tazkirah memerlukan guru yang serba boleh dan mempunyai pengetahuan mendalam tentang topik yang hendak diperkatakan. Keperluan pelatih terhadap pendidikan Islam yang lebih mantap dan menyeluruh semakin meningkat. Program yang ada sekarang perlulah dapat membekalkan remaja kekuatan pegangan agama yang teguh agar dapat mengharungi arus perubahan yang besar kelak.

Responden beranggapan faktor sokongan keluarga memainkan peranan yang penting dalam menyokong perubahan tingkah laku banduan muda di penjara. Ini memberi gambaran bahawa, pihak penjara perlu memperbanyakkan lagi program banduan bersama keluarga agar sokongan keluarga dapat diberikan secara berterusan kepada banduan. Colvin (2006), menyatakan bahawa banduan yang mendapat sokongan sosial terutamanya daripada ahli keluarga secara konsisten bukan sahaja memperoleh emosi yang positif malah dapat membina tingkah laku pro-sosial serta mengurangkan tingkah laku menyimpang. Menurut Asmawati (2006), sokongan sosial yang mencukupi dapat menolong individu mengurus tekanan yang dihadapi, terutama jika sokongan tersebut diperolehi daripada ahli keluarga terdekat. Menurut Chen (2006), dalam kajiannya mendapati gabungan pendekatan keagamaan dan sokongan sosial (keluarga) memberi kesan yang lebih positif kepada diri dan perubahan tingkah laku individu dalam proses pemulihan.

Menurut Wan Rorlili & Najibah (2014), jika hubungan banduan terputus dengan keluarga disebabkan hukuman yang dijalani, maka keadaan ini menimbulkan kesan psikologi yang berat kepada banduan. Oleh yang demikian, adalah amat penting seandainya hubungan banduan dengan anggota keluarga dapat diteruskan. Hal ini menuntut kerjasama daripada keluarga banduan terbabit (Diel, 2018).

Weiner (1990), menyatakan motivasi adalah keadaan dalaman seseorang yang membangkitkan, mengarah dan tingkah laku secara berterusan. Responden menjangkakan faktor motivasi merupakan faktor yang ketiga dalam mempengaruhi perubahan tingkah laku banduan muda di penjara. Ini memberi gambaran bahawa, banduan muda di penjara perlu dibantu melalui sokongan motivasi.

Kurangnya motivasi pada seseorang individu juga dipengaruhi oleh penghargaan diri yang rendah di mana apabila seseorang merasakan dirinya kurang berpengetahuan atau tidak mempunyai kemahiran dalam sesuatu bidang. Perasaan rendah diri, malu, takut menerima kritikan dan kegagalan menambahkan ketidakyakinan mereka terhadap kebolehan diri sendiri (Shamsinar, 2002). Sekiranya keyakinan yang mantap dapat dibina dalam diri banduan semasa menjalani program pemulihan di penjara, maka kebarangkalian untuk mereka mengulangi kesilapan lalu adalah rendah. Sebaliknya dengan yakin kepada kebolehan yang telah diasah pada diri mereka dapat membantu mereka mencari peluang-peluang baru bagi meneruskan kehidupan mereka yang bergelar bekas banduan penjara.

KESIMPULAN

Keperluan kepada program-program pemulihan tingkah laku yang berkualiti sangat diperlukan dalam dunia tanpa sempadan hari ini terutama dalam mengisi kelompongan remaja dalam bidang sosiobudaya dan pendidikan. Hal ini amat penting terutama dalam menyediakan bekalan diri untuk mereka berdepan dengan arus globalisasi dan berbagai-bagai senario yang pesat berubah dalam abad ke-21. Kegagalan institusi yang dipertanggungjawabkan untuk memulihkan remaja yang bermasalah akan mengundang berbagai-bagai gejala sosial kerana remaja ini akan mengulangi kesilapannya dan tidak dapat menjadi masyarakat yang berguna.

Melalui kajian tinjauan persepsi ini, pengkaji berharap dapat menjadi rujukan kepada pihak Jabatan Penjara Malaysia untuk merangka program yang bersesuaian dengan keperluan banduan muda di penjara. Setiap program yang diatur perlulah dapat memulihkan akhlak dan membekalkan banduan pengetahuan untuk membaiki taraf hidup seterusnya menjadi seseorang yang dapat menyumbangkan bakti kepada agama, bangsa dan negara.

RUJUKAN

- Akbari, B., Abolghasemi, S., Taghizadeh, G., & Dastaran, A. (2012). Evaluate the effects of anger management skills training to reduce aggressive male prisoners. *Journal of Basic and Applied Scientific Research*, 2(9), 9590-9593.
- Asmawati Desa (2006). *Psikologi Untuk Golongan Profesional*. McGraw Hill.
- Bandura, A. (1977), Self –efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84, 191-215
- Chan, V. (2009). An assessment of the effectiveness of an eight session anger management program for minor criminal offenders in the community (Doctoral dissertation). Available from ProQuest Dissertations and Theses database. (UMI No. NR68162).
- Chen, G. (2006). Social Support, Spiritual Programme, and Addiction. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 50(3), 306-323.
- Colvin, M. (2007). Applying Differential Coercion and Social Support Theory to Prison Organizations. *The Case of the Penitentiary of New Mexico, The Prison Journal* 87, 367-387.
- Chua Yan Piaw (2013). *Asas Statistik Penyelidikan, Analisis Data Skala Likert*. McGraw Hill.
- De Jong, P., & Berg, I .K. (2001). Coconstructing cooperation with mandated clients. *Social work*, 46, 361-374. Theses database. (UMI No. NR68162).
- Deffenbacher, J, L. (1992). Trait anger: theory, findings and implications. In J.N. Buctcher, & C.D. Spielberger (EdS), *Advances in personally assessment* (pp.177-201). Hillsdale, J.N: Lawrence Erlbaum Associates.
- Dunsworth, M. & Billings, D. (2012). *Effective Program Evaluation*, Bloomington: IN, Solution Free Press.
- H. Jalaluddin (1996). *Psikologi Agama. (Jakarta: Divisi Buku Perguruan Tinggi, PT Raja Grafindo Persada)*, 160-165.
- Khalim Zainal. (2008). Memahami tingkah laku remaja bermasalah dari perspektif Teori Tingkah Laku, Humanistik, Psikoanalitik & Tret Personaliti. *Jurnal Pengajian Umum*, 9, 43–56.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). Children statistics, Malaysia. Diperolehi pada 10 Mac 2022, dari <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=TVY4ZDdTeFJnMFQxWjdFc1dDZEhOZz09>
- Mohammad Rahim Kamaludin, Nadiyah Syarini Md. Shariff, Azizah Othman, Khaidzir Hj. Ismail, & Geshina Ayu Saat. (2014). Socio-demographic and mechanical profiles of Malaysian male murderers: A descriptive study. *International Journal of Biomedical Research*, 5(2), 81-886.
- Nazirah Hassan & Muhammad Amirul Aidil Rosly. (2021) Vocational Education and Training for Young Offenders in Juvenile Approved Schools. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*,10(1), 642-650.
- S Diel, Story project gives prisoners a chance to keep family ties, Diperoleh pada 19 Januari 2022, dari <http://www.thefreelibrary.com>.
- Siegal L. J. (2002). *Juvenile, Delinquency: The Core*. Belmont. Wadsworth/Thompson Learning.
- Udrow, W. J. Nazirah Hassan & Muhammad Amirul Aidil Rosly. (2021). Vocational Education and Training for Young Offenders in Juvenile Approved Schools. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*,10(1), 642-650.
- Wan Roslili Abd. Majid & Najibah Mohd Zain. (2015). Isu Dalam Penahanan dan Pemulihan Banduan di Malaysia. *Jurnal Kanun, Dewan Bahasa Dan Pustaka*, 27(1), 143-168.
- Weiner, B. (1990). History Of Motivational Research In Education. *Journal Of Educational Psychology*. 82(4), 616-622.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. Diperolehi pada 21 Januari 2022, dari <http://eprints.utm.my/12174/1/JEPC-2011-1-007.pdf>
- Diperolehi pada 28 Januari 2022, dari <http://journalarticle.ukm.my/9843/1/1249234078-1-SM.pdf>
- Diperolehi pada 24 Januari 2022, dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20121226/ba_01/Masalah-moral-remaja
- Diperolehi pada 20 Januari 2022, dari <http://jurnalkanun.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2014/12/8-kanun.pdf>.